

10/04/1997

Akademi JPJ penuhi keperluan tempatan

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Rabu - Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Tiang Dua, Jasin yang dianggarkan bernilai RM36 juta akan dibina berasaskan gabungan model akademi luar negara serta tempatan.

Timbalan Ketua Pengarah JPJ, Liew Siew Kim, berkata pembinaan akademi itu akan disesuaikan dengan keperluan tempatan, walaupun mengambil contoh kemudahan yang ditawarkan akademi pengangkutan jalan di Australia, Sweden, Jepun dan Amerika Syarikat.

Katanya, tidak semua model akademi luar negara akan dicontohi kerana penguatkuasaan undang-undang jalan raya yang berbeza di sini.

"Akademi JPJ yang akan dibina ini dipastikan dapat memenuhi kehendak serta keperluan tempatan, walaupun dirancang bakal menjadi pusat latihan terbaik di peringkat antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas melawat Akademi Kastam Diraja Malaysia (Akmal) di Bukit Baru dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Penguatkuasa JPJ, Shamsul Ariffin Mohd Nor dan Pengarah Akmal, Abdul Rahman Abdul Hamid.

Menurut Liew, sasaran menjadikan Akademi JPJ terbaik di dunia adalah selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya berfikir global serta menggunakan teknologi terkini.

Berdasarkan itu, tegasnya, Akademi JPJ dirancang menampung keperluan latihan bukan saja untuk kakitangan JPJ tetapi juga dari negara Asean serta rantau Asia-Pasifik.

Akademi JPJ yang dibina di kawasan seluas kira-kira 58.8 hektar di Tiang Dua, akan mempunyai kemudahan latihan serta penginapan bagi melatih kakitangan JPJ di samping menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan.

Liew berkata, akademi itu juga menawarkan kursus yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan kemahiran latihan sekolah memandu supaya dapat melatih pemandu baru memandu dengan lebih selamat seperti di selekoh.

Berikutan itu, katanya, akademi yang dirancang disiapkan pada 1999 akan mampu menampung 200 pelatih pada satu masa.

"Walaupun kos pembinaan dianggarkan RM36 juta, jumlahnya mungkin bertambah dan perlu mendapatkan peruntukan tambahan," katanya.

(END)